

26/04/2000

Media perlu elak analisis calon: PM

Kadir Dikoh

PUTRAJAYA, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menasihatkan akhbar dan stesen televisyen tempatan supaya mengelak membuat analisis mengenai calon yang bertanding menjelang pemilihan Umno bulan depan.

Perdana Menteri yang juga Presiden Umno berkata, akhbar perlu mengelak menemu ramah calon kerana tindakan itu boleh dianggap berkempen menerusi media.

"Kita tidak mahu anda (wartawan) temu ramah calon. Calon harus berada dalam keadaan tidak boleh dihubungi kerana mereka juga boleh berkempen menerusi media.

"Kita tidak mahu itu tetapi dalam kerja biasa, boleh. Contohnya, jika Datuk Syed Hamid Albar (Menteri Luar yang juga calon naib presiden) ditanya mengenai Sipadan, dia boleh jawab. Dia tak boleh kata "saya tak boleh jumpa media", tetapi tiada apa-apa mengenai pemilihan Umno.

"Di sini saya minta pihak media untuk memberi kerjasama kerana media menyumbang kepada persaingan ini dengan membuat analisis dan lain-lain. Ini menimbulkan masalah bagi calon kerana masing-masing hendak mendapat publisiti dan sebagainya.

"Saya mintalah kerjasama (media) supaya jangan timbul permusuhan antara calon. Kepada saya, ini perkara nasional. Kita nak hapuskan, jika boleh, rasuah di dalam semua tempat. Sebagai tanggungjawab kepada negara, saya meminta akhbar, tolong bantu kami...jangan buat apa-apa," katanya dalam sidang akhbar di pejabatnya di sini.

Ditanya sama ada akhbar boleh membuat penilaian terhadap calon tanpa menemu ramah mereka, beliau berkata jika boleh, usaha itu dielakkan kerana ia boleh menimbulkan rasa gelisah di kalangan calon.

"Cakaplah (lapor) ini adalah pemilihan Umno, cakap pasal Umno, cakap pasal Pas jika anda (wartawan) mahu...buat perbandingan (dengan Umno) jika anda mahu, jangan fokus terhadap calon.

"Jadi saya nak tentukan seberapa yang boleh supaya orang yang menang ini, menang kerana `merit' (kecemerlangan) mereka, kerana mereka sudah berkhidmat secara yang diiktiraf oleh ahli Umno," katanya.